



Ruj. Kami : PMS/UP/656-3 JLD.4(11)

Tarikh : 10 Mei 2010

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BIL. 2/2010

PELAWAAN KONTRAKTOR KERJA DI SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas dan Surat Arahan Perbendaharaan dengan rujukan S/K.KEW/PP/1100/000000/10/31 Jld.29 SK.3 (5) bertarikh 30 April 2010 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan untuk memberi lebih peluang kepada kontraktor kerja yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Pusat Pendaftaran Kontraktor-Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) atau Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ) untuk mengambil bahagian dalam perolehan kerja seperti berikut:-

- (i) kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan PUKONSA atau UPKJ boleh dipelawa bersama-sama kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan PKK untuk menyertai perolehan kerja yang menggunakan peruntukan Persekutuan di Semenanjung;
- (ii) kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan PUKONSA boleh dipelawa bersama-sama kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan PKK untuk menyertai perolehan kerja yang menggunakan peruntukan Persekutuan di Sabah. Kontraktor kerja yang berdaftar dengan CIDB dan PKK juga boleh dipelawa untuk menyertai bersama-sama dengan kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan PUKONSA bagi perolehan kerja yang menggunakan peruntukan Negeri di Sabah.

(iii) Peraturan ini bagaimanapun tidak terpakai bagi tender-tender yang dikhaskan kepada kontraktor tempatan.

3. Arahan ini berkuatkuasa mulai 30 April 2010 dan hendaklah dibaca bersama Arahan Perbendaharaan dan peraturan perolehan lain yang sedang berkuatkuasa.

Sekian. Terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menurut perintah,



(YUSOF BIN HAJI SARANGIT)
Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah